

06 JUL 2002

Mahathir-Pengganti/I

DR M NYATAKAN KEYAKINAN DENGAN PENGGANTINYA

Oleh: Zulkefli Salleh

BANGKOK, 6 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan keyakinannya kepada khalayak antarabangsa bahawa penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mempunyai kapasiti untuk membangunkan lagi Malaysia.

Kurang seminggu selepas menyatakan secara terbuka akan sokongannya kepada penggantinya itu, Dr Mahathir memberitahu jamuan tengah hari perniagaan di sini bahawa timbalannya itu mempunyai kapasiti yang sama dengan beliau untuk menerajui Malaysia dengan jayanya.

Beliau berkata demikian semasa ditanya oleh seorang wartawan asing sama ada Abdullah, yang beliau sahkan sebagai penggantinya minggu lepas, mempunyai kewibawaan kepimpinan yang serupa dengan apa yang telah ditunjukkan oleh beliau.

"Anda perlu faham bahawa di Malaysia ianya bukan bergantung pada individu, ia bergantung pada dasar," katanya.

Dr Mahathir berkata sejak Malaysia mencapai kemerdekaan, ia amat konsisten dengan dasar-dasarnya.

"Kami tidak pernah anti perniagaan, kami sentiasa mesra perniagaan. Pada ketika kebanyakan negara-negara yang baru mencapai kemerdekaan mengawal syarikat asing, kami berbuat sebaliknya, kami mempelawa lebih ramai orang asing untuk datang dan membantu ekonomi kami," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa Malaysia telah memperolehi estet dan lombong milik asing dengan cara membelinya pada harga biasa di pasaran saham.

"Jadi, dasar-dasar ini adalah sesuatu yang didukung oleh parti (Umno) dan bukannya individu," katanya.

Sejak perdana menteri pertama sehingga sekarang, Dr Mahathir berkata apa yang paling penting ialah "berusaha sedaya upaya."

"Dan saya yakin bahawa pengganti saya mempunyai kapasiti serupa," katanya.

Dr Mahathir, yang telah mengumumkan bahawa beliau akan meletakkan jawatan pada Oktober tahun depan, masih dikagumi dan mendapat perhatian daripada para hadirin yang telah mengajukan 11 soalan berkaitan isu-isu antarabangsa, "kelantangan" beliau dan rahsia beliau kekal bertenaga dan sihat walaupun telah berusia 76 tahun.

Kepada satu soalan sama ada beliau akan kekal bersuara lantang selepas beliau bersara, Dr Mahathir berkata, sebagai perdana menteri beliau perlu berhati-hati mengenai apa yang beliau akan katakan tetapi beliau lebih bebas untuk "mengeluarkan lebih banyak kata-kata pedas," apabila beliau bersara.

Memberikan petua mengenai bagaimana untuk kekal muda, Dr Mahathir berkata beliau melawat lebih banyak tapak kerja daripada orang lain kerana beliau suka melihat "perkembangan" sesuatu itu kerana ia memberikan kepuasan kepada beliau.

-- BERNAMA

ZS HS RHM